Bab 6

PENUTUP

"Duzhe wenyi" dan "Nanyang wenyi", bahagian tambahan sastera dan seni *NYSP* telah memainkan peranan yang amat penting dalam arena kasusasteraan Mahua pada tahun 80-an. Kedua-dua bahagian tambahan ini telah memaparkan karya-karya penulis Mahua. Ia juga merupakan tapak penting untuk mencungkil bakat menulis dan pendorong kepada penulis rajin menulis. Dari itu, bahagian tambahan sastera dan seni *NYSP* dikatakan sebagai wadah dalam usaha mendorong perkembangan sastera Mahua.

Siaran bahagian tambahan sastera dan seni *NYSP* tidak pernah terputus dalam tahun 1980-an di bawah pengurusan editor-editor seperti Zhong Xiatian, Ke Jinde, Chen Yangzhuang dan Qiao Ling.

Bilangan penulis yang menyumbang kepada akhbar tidak kekurangan. Dalam bidang prosa, terdapat jumlah sebanyak 1087 buah karya telah disiarkan dalam bahagian tambahan sastera dan seni *NYSP*. Pada kebiasaannya, penulis sendiri akan memilih karya yang mereka rasa mempunyai kualiti yang telah disiarkan dalam bahagian tambahan sastera dan seni untuk dikumpul dan kemudiannya diterbitkan dalam bentuk buku. Di antara keempat-empat penulis yang dikaji itu, sebilangan

karya Yun Lifeng, Fan Teng dan Li Yijun yang tersiar dalam bahagian tambahan sastera dan seni *NYSP* telah dipilih dan diterbitkan dalam bentuk buku. Sehingga kini, didapati karya Jin Cao masih tidak dibukukan. Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa bukan semua karya yang disiarkan dalam bahagian tambahan sastera dan seni itu dapat dibukukan. Oleh itu, penyelidikan mengenai karya seseorang penulis Mahua, adalah kurang menyeluruh sekiranya hanya karya yang terkumpul dalam bentuk buku diambil sebagai contoh. Daripada keterangan di atas, jelas bahawa bahagian tambahan sastera dan seni akhbar Cina merupakan sumber penting dalam penyelidikan kesusasteraan Mahua.

Sumbangan yang terbesar daripada Yun Lifeng ialah beliau telah menulis tentang masalah yang dihadapi oleh kesusasteraan Mahua dalam sejarah perkembangannya dan memberi cadangan-cadangan yang bermakna. Cadangan dan seruan Yun Lifeng telah mendapat sambutan dan sokongan daripada masyarakat, persatuan-persatuan kaum Cina bahkan perhatian kerajaan. Sumbangan beliau kepada perkembangan kesusasteraan Mahua sangat menggalakkan.

Kita boleh merumuskan sumbangan prosa Yun Lifeng secara berikut:

1. Setelah Yun Lifeng menjadi ahli, seterusnya dipilih sebagai bendahari dan pengerusi Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina, beliau telah dapat menyatupadukan penulis-penulis Mahua di bawah satu bumbung. Di bawah bimbingan Yun Lifeng, pelbagai aktiviti sastera telah dilaksanakan, seperti penerbitan majalah *Xiezuo ren,* kemudian *Mahua zuojia* dan antologi karya Mahua, penganjuran seminar dan bengkel kesusasteraan Mahua. Persatuan-

persatuan kaum Cina yang lain turut memberi sokongan seperti mengendalikan pertandingan mencipta karya dengan usaha menggalakkan penulis-penulis supaya lebih rajin menghasilkan karya.

2. Bersama usaha dan kerjasama dari *NYSP*, Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina telah mengendalikan tujuh kali kelas bimbingan penulisan untuk mencungkil bakat dan menggalakkan minat pemuda-pemudi menulis dan menghasilkan karya. Sebilangan daripada penulis muda yang telah mengikuti kursus bimbingan yang telah diadakan oleh Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina telah memenangi hadiah pertandingan mencipta karya sastera Mahua.

3. Yayasan dan tabung penerbitan yang ditubuhkan oleh persatuan-persatuan Cina dan syarikat penerbit swasta telah menyelesaikan kesulitan kewangan dalam menerbitkan karya cemerlang dalam pertandingan dan karya-karya ahli Persatuan. Seruan Yun Lifeng dalam prosa beliau telah mendapat balasan positif.

4. Sejak Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dikenalkan pada tahun 1988, buku teks bahasa Cina peringkat sekolah menengah mempunyai petikan karya kesusasteraan Mahua. Kebanyakan petikan yang dipilih dalam teks bahasa Cina merupakan genre prosa. Seruan Yun Lifeng dan para penulis Mahua pada awal tahun 80-an telah diambil kira. Dari segi isi kandungan dan semangat, buku teks bahasa Cina KBSM sudah mempunyai identiti tempatan dan ramai pemuda-pemudi yang terdedah kepada sukatan

bersepadu ini menunjukkan kecenderungan membuat kajian dalam kesusasteraan Mahua.

5. Terjemahan karya-karya kesusasteraan Mahua ke dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu sangat bermakna. Penubuhan PESPEKTIF dan beberapa penerbit swasta serta yayasan penerbitan persatuan telah menerbitkan buku dan karya terjemahan. Karya terjemahan bukan sahaja mendedahkan lebih banyak bahan asal yang ditulis dalam bahasa Cina kepada mereka yang tidak memahami bahasa Cina, tetapi juga meningkatkan komunikasi kesefahaman antara kaum berbilang bangsa di Malaysia.

Isi kandungan karya Yun Lifeng memang padat dan bernas. Penghuraian Yun Lifeng tentang realiti dan hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat Cina seakan catatan sejarah masa itu. Gaya penulisan esei Yun Lifeng menunjukkan beliau memaparkan realiti dengan terus terang, penuh dengan pandangan sendiri tanpa menggunakan bahasa yang berbunga-bunga. Dari sini, didapati bahawa Yun Lifeng telah membina gaya tersendiri dalam penulisan prosa.

Karya Fan Teng memberi pandangan dan pendapat tentang sastera dan seni. Penulisan beliau melihat sesuatu realiti masyarakat dari sudut positif. Esei "Queding wenyi de shehui gongyongxing" dan "Wenyi yu xuanchuan" menunjukkan Fan Teng mempunyai pandangan dan pendapat yang tajam dan tepat tentang fungsi sosial, sastera dan seni. Walaupun kata-katanya kadang-kadang agak membombastik, tetapi ia memberi keyakinan kepada pembaca. Pembaca merasa gaya penulisan Fan Teng

telah menunjukkan beliau merupakan seorang penulis yang berani menulis dan berani meluahkan fikiran terhadap sesuatu kenyataan..

Bahasa yang digunakan oleh Fan Teng senang difahami oleh pembaca. Beliau berpendapat sesebuah karya yang baik dan menarik itu tidak perlu menggunakan perkataan yang sukar atau mempunyai ciri-ciri luar biasa. Ini dibayangkan dalam esei "Wenyi yao pusu qianbai".

Keprihatinan Fan Teng tentang isu sosial dapat dilihat daripada esei "Women neng zuo shenme", "Yikuan" dan "Yanqing xiaoshuo de huose". Ketiga-tiga esei ini telah menunjukkan Fan Teng memberi perhatian tentang isu-isu yang berkait rapat dengan kenyataan hidup sehari-hari, misalnya masalah bekalan air, kemiskinan dan keruntuhan moral pemuda-pemudi dalam masyarakat Cina. Daripada itulah dapat dikatakan karya Fan Teng memberi perhatian tentang keadaan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Beliau dapat mencungkil fikiran pembaca untuk merenung dan memikirkan tentang sesuatu.

Penulis prosa tahun 80-an seperti Yun Lifeng dan Fan Teng nyatanya memberi sumbangan tertentu terhadap perkembangan kesusasteraan Mahua secara am dan prosa Mahua secara khas. Sumbangan Yun Lifeng dan Fan Teng kepada arena kesusasteraan Mahua dan masyarakat Cina telah disanjung tinggi dan dihargai. Ini dibukti di mana Yun Lifeng telah menerima "Hadiah Sastera Mahua" pada tahun 1995 dan "Hadiah Sastera Cina" pada tahun 2002. Beliau dianugerahi dengan Pingat Jasa Kebaktian dan Jaksa Pendamai kerana sumbangan beliau kepada masyarakat.

Manakala Fan Teng telah memenangi Hadiah Pertama dalam pertandingan karya prosa dan "Hadiah Guru Yang Aktif Antara Kaum" kerana sumbangan beliau kepada masyarakat.

Berlainan daripada Yun Lifeng dan Fan Teng yang menumpu perhatian kepada realiti masyarakat, Li Yijun lebih bersifat sentimental. Beliau suka menulis untuk meluahkan perasaan dan juga memberi pandangan. Semasa beliau menulis tentang perihal watak seperti pengemis dalam esei "Qigai", wanita dalam esei "Hengxiangli de nage nuren" dan penulis "Xiao Hong" itu, ternampaklah sifat beliau iaitu nyata sekali terbukti dalam esei "Xiao Hong" yang ditulis dengan penuh perasaan. Pembaca rasa terharu selepas membaca karya ini.

Walaubagaimanapun prosa Li Yijun juga bukan kesemuanya bersifat sentimental. Dalam esei "Ruhe zaihu", Li Yijun menulis tentang honorarium yang dibayar oleh syarikat akhbar Cina. Beliau telah memberikan pendapat dan pandangan terhadap isu honorarium dan pendirian beliau terhadapnya.

Tema prosa Li Yijun pelbagai. Karya "Yao shenme", "Nianqing" dan "Pianjian" menceritakan tentang sifat orang muda yang kurang matang dan Li Yijun menasihati generasi muda jangan bersikap sensitif dan jangan menganggap "muda" itu adalah modal sepanjang umur.

Fiksyen klasik merupakan fokus "Honglou meng". Li Yijun sangat tertarik dengan apa yang diceritakan dalam buku *Honglou meng*. Beliau menganggap

membaca buku *Honglou meng* sepanjang hidup tidak akan menimbulkan rasa jemu dan bosan. Sebagai seorang penulis prosa yang bertanggungjawab, Li Yijun memberi keberatan kepada kualiti karya sastera. Ini ternyata sekali apabila beliau menyatakan fiksyen yang cemerlang itu adalah sukar dihasilkan. Li Yijun telah memberi banyak pandangan dan pendapat tentang aspek-aspek penulisan fiksyen berdasarkan pengalaman beliau sebagai seorang penulis.

Bagi Jin Cao, 41 buah karya yang tersiar itu merupakan kata-kata pengalaman dan perasaan beliau. Beliau suka menulis sambil memberi nasihat, dan pandangan tentang sesuatu yang diceritakan.

Semasa Jin Cao bersurat dengan Shan, kekasihnya, beliau bercerita sambil meluahkan perasaan. Dalam surat ke-2 dan ke-4, Jin Cao memberi cadangan untuk merapatkan hubungan suami isteri melalui 4 langkah dan beliau mengaitkan 4 langkah dalam percintaan suami isteri dengan 4 langkah mencipta karya. Pandangan tentang mengenal pasti percintaan yang benar dan menganalisis proses mencipta karya merupakan pandangan tersendiri Jin Cao. Pandangan ini mendorong kita merenung perkaitan terhadap kedua-dua perkara ini. Semasa berbincang tentang hal percintaan, Jin Cao menulis dengan penuh perasaan tetapi rasional.

Semasa memberi bimbingan dan kaunseling kepada anak murid tentang adakah persahabatan tanpa cinta antara lelaki dan wanita, Jin Cao dengan tegasnya memberi jawapan iaitu memang ada. Perbincangan dan nasihat yang diberikan oleh Jin Cao kepada anak murid itu adalah tepat, benar dan boleh diterima.

Jin Cao berpendapat pergaulan dan keyakinan diri itu merupakan satu seni hidup yang patut ada. Pergaulan yang baik antara individu dapat mendedahkan apa yang difikirkan dan yang mendengar itu menerima apa yang diluahkan. Kedua-dua pihak dapat berkongsi perasaan dan pendapat. Setiap individu perlulah menghindarkan sifat mementingkan diri sendiri sahaja. Di antara suami isteri, pergaulan memainkan peranan yang penting juga sebab sebarang kesalahfahaman boleh diselesaikan dan dihapuskan melalui pergaulan yang sesuai. Seterusnya pertalian dan kemesraan suami isteri dapat dieratkan dan dikukuhkan. Begitu juga, Jin Cao berpendapat keyakinan diri merupakan sifat yang mendorong seseorang individu mencapai kejayaan dan kebahagian dalam hidup. Beberapa kata hikmat telah dipetik untuk memberi galakan kepada Shan supaya Shan lebih beryakin lagi melakukan apa sahaja.

Gaya prosa Jin Cao yang penuh dengan perasaan sentimen dan bersifat nasihat itu merupakan satu ciri penulisan beliau. Justeru cara menulis serta memberi tunjuk ajar ini telah mengurangkan perasaan sentimental, kalau dibandingkan dengan karya Li Yijun. Ini mungkin disebabkan pihak yang berutus surat itu merupakan seorang gadis yang usianya lebih muda daripada beliau.

Berdasarkan pandangan Zheng Mingli dalam buku *Xiandai sanwen leixing lun,* kebanyakan karya prosa Yun Lifeng, Fan Teng dan Li Yijun dari segi bentuk boleh dikatakan daripada jenis utama. Manakala kesemua karya prosa Jin Cao dari segi bentuk boleh dikatakan daripada jenis khas. Akhirnya, berdasarkan huraian yang tersebut di atas, pengkaji berpendapat karya prosa mereka juga boleh dirumuskan

seperti berikut: Prosa Yun Lifeng dan Fan Teng cenderung kepada sifat realiti manakala prosa Li Yijun dan Jin Cao bersifat sentimental.

Bahagian tambahan sastera dan seni "Duzhe wenyi"dan "Nanyang wenyi" telah memberi ruang dan tapak untuk memaparkan karya penulis Mahua pada tahun 80-an. Karya penulis Yun Lifeng, Fan Teng, Li Yijun dan Jin Cao yang tersiar dalam bahagian tambahan sastera dan seni tersebut telah memberi banyak sumbangan kepada perkembangan kesusasteraan Mahua. Pengkaji ingin menegaskan peranan bahagian tambahan sastera dan seni akhbar Cina dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Mahua amatlah penting dan sumbangannya tidak boleh diabaikan.